

Pasukan khas JBPM periksa keselamatan perumahan awam

Kuala Lumpur: Satu pasukan khas ditubuhkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur bagi memeriksa tahap keselamatan kebakaran perumahan awam di sekitar pusat bandar.

Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul berkata sebanyak 122 blok perumahan berusia lebih 30 tahun akan diperiksa menerusi Op Sri PA yang bermula semalam sehingga 29 Februari.

Katanya, seramai 70 pegawai dan anggota dibahagikan kepada empat pasukan yang akan menjalankan pemeriksaan secara serentak setiap hari selama lapan hari.

“Usaha ini dilaksanakan susulan kes kebakaran membabitkan lima unit rumah di tingkat 17 Blok 70 Flat Sri Sabah yang berlaku pada 11 Februari lalu.

“Kita (JBPM) merangka satu tindakan proaktif bagi mengelakkan kejadian sama berulang dengan pemeriksaan keselamatan kebakaran terhadap perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berusia lebih 30 tahun.

“Sebarang penemuan atau kelemahan yang ditemui akan dimaklumkan kepada DBKL dan pihak pengurusan.

“Hasil laporan berkenaan, tindakan segera akan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab,” katanya pada Majlis Pelancaran Task Force Op Sri PA di Flat Sri Sabah, Cheras di sini, semalam.